

## Peranan Kokurikulum Dalam Membentuk Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Bekerja Dalam Kumpulan Terhadap Pelajar

Wan Azhar Bin Wan Ismail<sup>1</sup>, Wan Muhammad Marzudi Bin Wan Muhammad<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Politeknik Kota Bharu

### ABSTRAK

Kokurikulum adalah kursus yang wajib di ambil oleh pelajar apabila mendaftar masuk ke politeknik. Dalam kursus ini terdapat banyak aktiviti kokurikulum yang boleh dijalankan bagi membentuk kemahiran-kemahiran tertentu dalam melahirkan pelajar yang berwibawa dan cemerlang. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui peranan kokurikulum dalam membentuk kemahiran komunikasi, kepimpinan dan bekerja dalam kumpulan terhadap pelajar. Sampel kajian terdiri daripada 200 orang pelajar semester lima Politeknik Kota Bharu Sesi Disember 2019 yang telah mengambil kursus kokurikulum. Instrumen kajian adalah menggunakan borang soal selidik. Perisian *Statistical Package of Social Sciences (SPSS) version 20.0* telah digunakan untuk mendapatkan skor min. Keputusan yang diperolehi mendapati bahawa tahap kemahiran pelajar ketiga-tiga aspek tersebut setelah mengikuti kursus kokurikulum adalah tinggi. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang menyertai aktiviti kokurikulum mampu meningkatkan kemahiran komunikasi, kepimpinan dan bekerja dalam kumpulan bagi menghadapi dunia yang lebih mencabar di masa akan datang. Ketiga-tiga kemahiran ini juga mempunyai hubungan kolerasi yang kuat, signifikan dan searah.

**Kata kunci:** komunikasi, kepimpinan, kumpulan, kokurikulum

### 1.0 PENGENALAN

Kokurikulum adalah kursus yang wajib di ambil oleh pelajar apabila mendaftar masuk ke politeknik. Dalam kursus ini terdapat banyak aktiviti kokurikulum yang boleh dijalankan bagi membentuk kemahiran-kemahiran tertentu dalam melahirkan pelajar yang berwibawa dan cemerlang. Kokurikulum juga adalah aktiviti yang memberi banyak pengalaman kepada pelajar terutama di luar bilik kuliah. Menurut Abdullah Sani Yahaya (2005), kokurikulum merupakan segala aktiviti kurikulum yang dilakukan di luar bilik darjah dan di luar waktu pembelajaran formal. Melalui kokurikulum juga boleh membentuk sahsiah diri yang positif kepada pelajar seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan lain-lain lagi. Ia juga penting untuk mengimbangkan kemahiran insaniah dan kecemerlangan akademik pelajar. Jika akademik cemerlang tetapi kemahiran-kemahiran insaniah tidak dikuasai oleh pelajar akan mengakibatkan graduan yang dilahirkan tidak berkualiti dengan kehidupan yang penuh dengan cabaran pada masa kini.

Secara amnya, kokurikulum adalah aktiviti yang banyak dilakukan di luar bilik kuliah untuk mendapat pengalaman baru dan dilakukan secara tidak formal. Aktiviti kokurikulum lebih menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan sebagainya bagi mempertingkatkan lagi kemahiran pelajar.

#### 1.1 Penyataan Masalah

Dalam dunia hari ini, pelajar perlu menguasai ilmu pengetahuan yang tinggi supaya tidak ketinggalan dan mereka juga perlu memiliki kemahiran yang tinggi untuk meningkatkan lagi produktiviti syarikat. Kokurikulum banyak memberi faedah kepada pelajar dalam mengembangkan bakat, kreativiti dan inovasi. Di negara kita, pelajar banyak didedahkan kepada sifat-sifat yang baik seperti bertanggungjawab, tolong menolong dan sebagainya supaya menjadi seorang insan yang baik.

Sifat-sifat dan kemahiran yang baik ini biasanya pelajar dapat melalui aktiviti kokurikulum di sekolah dan IPT. Kebanyakan kajian menumpukan kepada penglibatan pelajar tetapi tidak menekankan terhadap aspek kemahiran komunikasi, kepimpinan dan bekerja dalam kumpulan apabila pelajar mengikuti aktiviti kokurikulum. Jadi kajian ini lebih memfokuskan kepada kepada aspek kemahiran, komunikasi, kepimpinan dan bekerja dalam kumpulan. Penyelidik juga ingin mengenalpasti jika terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran-kemahiran tersebut terhadap pelajar.

## 1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan peranan kokurikulum dalam membentuk kemahiran komunikasi, kepimpinan dan bekerja dalam kumpulan pelajar. Aspek-aspek yang dinilai adalah seperti berikut:

- 1.2.1 Untuk mengenalpasti sama ada aktiviti kokurikulum boleh meningkatkan kemahiran komunikasi.
- 1.2.2 Untuk mengenalpasti sama ada aktiviti kokurikulum boleh meningkatkan kemahiran kepimpinan.
- 1.2.3 Untuk mengenalpasti sama ada aktiviti kokurikulum boleh meningkatkan kemahiran bekerja dalam kumpulan.
- 1.2.4 Untuk mengenalpasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran komunikasi, kepimpinan dan bekerja dalam kumpulan terhadap pelajar.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian dilakukan menggunakan borang soal selidik dan data dianalisis secara deskriptif. Kajian ini adalah bertujuan mengetahui peranan kokurikulum dalam membentuk kemahiran komunikasi, kepimpinan dan bekerja dalam kumpulan kepada pelajar di Politeknik Kota Bharu.

### 2.1 Rekabentuk dan Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini mengandungi lima bahagian item soalan iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D diukur dengan menggunakan 5 skala Likert iaitu (1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat setuju) yang bertujuan untuk memudahkan proses analisis dan kesimpulan dibuat. Borang soal selidik ini diedarkan kepada 200 orang pelajar semester lima Sesi Disember 2019 yang dipilih secara rawak dan telah mengambil kursus kokurikulum di Politeknik Kota Bharu. Bahagian A mengandungi soalan yang berkaitan dengan latar belakang responden, bahagian B mengandungi soalan yang berkaitan dengan dengan kemahiran komunikasi, bahagian C mengandungi soalan yang berkaitan dengan dengan kemahiran kepimpinan dan bahagian D mengandungi soalan yang berkaitan dengan dengan kemahiran bekerja dalam kumpulan.

### 2.2 Sampel Kajian

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada 565 orang pelajar semester lima Sesi Disember 2019 Politeknik Kota Bharu. Sampel yang diambil seramai 200 orang pelajar sahaja. Rasional pemilihan pelajar tersebut adalah kerana mereka telah mengambil kursus kokurikulum.

### 2.3 Prosedur Kajian

Pelajar telah diberikan borang soal selidik dan mereka telah menjawab dalam masa 10 – 15 minit. Sebelum menjawab, arahan dan penerangan telah diberikan oleh pensyarah kursus. Borang tersebut dipungut sebaik saja ia telah dilengkapkan. Berdasarkan borang soal selidik tersebut, analisis data dibuat dengan menggunakan *Statistical Package of Social Sciences (SPSS) version 20.0*.

## 2.4 Kajian Rintis

Kajian rintis adalah bertujuan untuk menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan item yang ditanya dalam borang soal selidik supaya soalan yang ditanya adalah berkualiti. Penyelidik menjalankan kajian rintis ke atas 5 orang pelajar perempuan dan 5 orang pelajar lelaki semester lima Sesi Disember 2019 secara rawak yang telah mengambil kursus kokurikulum di Politeknik Kota Bharu. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistic Package For Social Science (SPSS) version 20.0*. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai Alfa Cronbach adalah 0.911 dan sangat sesuai digunakan untuk sampel sebenar.

## 3.0 DAPATAN KAJIAN

Daripada kajian yang dijalankan, keputusan kebolehpercayaan item, skor min dan hubungan kolerasi antara pembolehubah diperolehi.

### 3.1 Analisis Tahap Kebolehpécayaan *Alfa Cronbach, α*

Berdasarkan Jadual 1, analisis pembolehubah-pembolehubah didapati tahap kebolehpercayaan semua item adalah tinggi dengan *Alfa Cronbach, α = 0.955*. Ini menunjukkan semua item yang ditanya adalah mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, sesuai dan tidak mengelirukan responden.

Jadual 1 : Jadual Kebolehpercayaan Item

Cronbach's Alpha	N of Items
.955	15

### 3.2 Analisis Skor Min

Daripada kajian yang telah dijalankan, menurut Azizi, Shahrin, Jamaludin, Yusof & Rahim (2007), skor min didapati ketiga-tiga kemahiran yang dinilai iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan dan bekerja dalam kumpulan menunjukkan nilai skor min yang tinggi. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui Jadual 2 di bawah. Daripada Jadual 2 juga didapati kemahiran bekerja dalam kumpulan mempunyai skor min yang paling tinggi.

Jadual 2: Analisis Skor Min Bagi Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Bekerja Dalam Kumpulan

	N	Mean	Tahap
Kemahiran Komunikasi	200	3.9860	Tinggi
Kemahiran Kepimpinan	200	3.9220	Tinggi
Kemahiran bekerja dalam kumpulan	200	4.0250	Tinggi
Valid N (listwise)	200		

### 3.3 Analisis Kemahiran Komunikasi

Daripada analisis data di Jadual 2, didapati skor min kemahiran komunikasi adalah 3.9860 iaitu pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar semester lima Sesi Disember 2019 Politeknik Kota Bharu dapat menguasai kemahiran komunikasi melalui penglibatan dalam kursus kokurikulum. Kemahiran mendengar dengan baik adalah kemahiran komunikasi yang mempunyai skor min yang paling tinggi. Mohd Salleh Lebar (2000) menjelaskan dalam kehidupan harian, komunikasi amat penting terutamanya dalam pengiriman berita, pemindahan dan tindak balas orang yang menerima. Ini

bermaksud jika berita yang dikirim tidak jelas maka penerima maklumat akan keliru untuk membuat tindak balas. Dalam kurikulum juga pelajar mempunyai banyak masa untuk bercakap atau bersemuka dengan kawan dan pensyarah. Daripada sinilah maka ia boleh meningkatkan lagi kemahiran komunikasi pelajar. Interaksi bersemuka adalah salah satu kemahiran komunikasi yang berkesan.

Kesimpulannya, kemahiran komunikasi adalah kemahiran yang penting dalam kehidupan harian. Penguasaan kemahiran ini amatlah diperlukan apabila pelajar memasuki alam pekerjaan nanti. Semua majikan memerlukan seseorang pekerja yang boleh berkomunikasi dengan baik supaya dapat menambahkan lagi keyakinan dan kepercayaan pelanggan terhadap syarikat tersebut.

### 3.4 Analisis Kemahiran Kepimpinan

Daripada analisis data di Jadual 2, didapati skor min kemahiran kepimpinan adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar semester lima Sesi Disember 2019 Politeknik Kota Bharu dapat menguasai kemahiran kepimpinan melalui penglibatan dalam kursus kurikulum. Gary Yukl (2001) menyatakan bahawa proses kepimpinan terbentuk apabila seorang ketua mampu untuk mengemudi kumpulan atau orang yang dipimpin dengan baik. Kemahiran kepimpinan adalah penting dalam aktiviti kurikulum kerana ia melibatkan ramai pelajar dan memerlukan komitmen yang tinggi dalam menjayakan sesuatu aktiviti. Jadi setiap aktiviti yang dijalankan memerlukan seorang ketua atau pemimpin supaya aktiviti tersebut dapat diselaraskan dan berjalan dengan lancar.

Kemahiran menyedari kewujudan masalah adalah skor min yang paling tinggi dalam kemahiran kepimpinan. Apabila pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kurikulum maka banyak masalah-masalah yang akan muncul semasa aktiviti berjalan. Daripada sinilah ketua atau pemimpin yang dilantik akan menyedari kewujudan masalah yang timbul dan menyelesaiinya sebelum menjadi bertambah parah. Sebagai contoh apabila pelajar diberikan sesuatu tugas dalam aktiviti kurikulum terutamanya yang melibatkan kerja berkumpulan, tugas tersebut hendaklah diselesaikan mengikut tempoh waktu yang ditetapkan. Dalam kerja berkumpulan, ketua perlu dilantik untuk urusan pembahagian tugas dan pemantauan. Tujuan pelantikan ini supaya ketua peka terhadap masalah yang wujud semasa menyiapkan tugas dan kena cepat bertindak untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan segera. Daripada situ, kemahiran kepimpinan dapat diaplikasikan dalam menyelesaikan masalah disamping melahirkan seorang pemimpin yang berkaliber.

### 3.5 Analisis Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan

Daripada analisis data di Jadual 2, didapati skor min kemahiran bekerja dalam kumpulan adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar semester lima Sesi Disember 2019 Politeknik Kota Bharu dapat menguasai kemahiran bekerja dalam kumpulan melalui penglibatan dalam kursus kurikulum. Kemahiran membantu ahli dalam kumpulan adalah kemahiran bekerja dalam kumpulan yang mempunyai skor min yang paling tinggi. Menurut Ab Aziz (2003), kerja berpasukan atau dalam kumpulan adalah gabungan sebilangan individu yang mempunyai kompetensi yang saling bergantung sama ada dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan. Mereka masing-masing mempunyai kelebihan, kemampuan dan komitmen tersendiri dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Penyelidik berpendapat pergaulan melalui bekerja dalam kumpulan akan menambahkan jalinan nilai persahabatan dan kemesraan dalam kalangan pelajar.

Kesimpulannya, sikap suka membantu ahli dalam kumpulan adalah kemahiran yang paling dikuasai oleh pelajar setelah mengikuti kursus kurikulum. Aktiviti kurikulum dapat melatih pelajar supaya dapat menjalani kehidupan sosial dalam komuniti atau kumpulan dengan jayanya. Dalam aktiviti kurikulum juga pelajar banyak berpeluang untuk mendapatkan kawan-kawan baru dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran bekerja dalam kumpulan apabila diberi tugas untuk menyiapkan dalam tempoh tertentu.

### **3.6 Analisis Hubungan Kolerasi Antara Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Bekerja Dalam Kumpulan**

Berdasarkan analisis korelasi pada Jadual 3, menurut Jonathan Sarwono didapati bahawa kemahiran komunikasi mempunyai korelasi yang kuat dengan pembolehubah yang lain iaitu  $r = 0.645$  dengan kemahiran kepimpinan,  $r = 0.661$  dengan kemahiran bekerja dalam kumpulan dengan signifikan  $p < 0.01$ . Kemahiran kepimpinan juga mempunyai korelasi yang kuat dengan kemahiran bekerja dalam kumpulan iaitu  $r = 0.692$  dengan signifikan  $p < 0.01$ . Ini menunjukkan bahawa setiap item mempunyai hubungan yang kuat, signifikan dan searah.

Jadual 3 : Korelasi Antara Item

		Kemahiran Komunikasi	Kemahiran Kepimpinan	Kemahiran bekerja dalam kumpulan
Kemahiran Komunikasi	Pearson Correlation	1	.645**	.661**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000
	N	200	200	200
Kemahiran Kepimpinan	Pearson Correlation	.645**	1	.692**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000
	N	200	200	200
Kemahiran bekerja dalam kumpulan	Pearson Correlation	.661**	.692**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	
	N	200	200	200

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

## **4.0 KESIMPULAN**

Dalam usaha negara menuju ke arah IR 4.0, pelajar perlu bersedia dengan bermacam-macam ilmu pengetahuan bukan saja berkaitan dengan ilmu akademik, pelajar juga perlu dilengkapi dengan pelbagai ilmu kemahiran supaya tidak ketinggalan dalam arus globalisasi dunia masa kini. Kokurikulum adalah medium yang paling sesuatu untuk menonjolkan kemahiran-kemahiran tertentu kerana aktiviti yang dijalankan dapat mencungkil bakat-bakat yang terdapat pada pelajar. Aktiviti kokurikulum juga dapat menerap dan menyemai berbagai aspek kemahiran kepada pelajar sama ada disedari ataupun tidak. IPT yang cemerlang mampu melahirkan graduan yang baik dan berdaya saing iaitu bagus dalam bidang akademik dan juga berkualiti dalam kemahiran-kemahiran lain termasuk kemahiran komunikasi, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan sebagainya. Kesimpulan daripada kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang menyertai aktiviti kokurikulum mampu meningkatkan kemahiran komunikasi, kepimpinan dan bekerja dalam kumpulan bagi menghadapi dunia yang lebih mencabar di masa akan datang. Ketiga-tiga kemahiran ini juga mempunyai hubungan kolerasi yang kuat, signifikan dan searah.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof (2003). *Komunikasi Untuk Pengurus*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahim M. Ali (2000). *Ilmu Pendidikan DPM*. Kuala Lumpur: Utusan.
- Abdullah Sani Yahaya (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunus, dan Noraini Kaprawi (2004). *Peranan Kokurikulum dalam Pembangunan Kemahiran Generik*. Jurnal Sains Sosial. KUiTTHO: Jilid 2. Bil 1. hlmn 1-7.
- Anizah Abdul Razak (2002). *Penglibatan pelajar dalam bidang kokurikulum dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar: Satu tinjauan ke atas Pelajar Diploma dan Sarjana Muda KUiTTHO*. Batu Pahat : UTHM.
- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. PTS Professional Publishing.
- Che Wan Mohd Amil Bin Che Wan Sulaiman (1991). *Sikap Pelajar-pelajar Luar Bandar Terhadap Kegiatan Kokurikulum Sekolah: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kerdau, Temerloh, Pahang*. UKM: Kajian Ilmiah. "Tidak Diterbitkan".
- Chin Pek Lian, Low Li Chuen dan Vivian Low Yen Yeong (2005). *Masalah Disiplin Pelajar, Pendekatan Dan Penyelesaian*. Skudai : UTM.
- Gary Yukl (2001). *Leadership In Organizations*. <http://www.ncsl.org.uk/media-F7B-97-randd-leaders-business-yukl.pdf>.
- Gay, L.R (1996). *Educational Research : Competencies for analysis and application*. Ed.New Jersey : Prntice hall,Inc.
- Johari Hassan & Sutinah A. Safar (2010). *Pembinaan Kecemerlangan Diri Pimpinan Pelajar Menerusi Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai*.
- Jonathan Sarwono (2006). *Metode Penelitian Kuantitatif & Kualitatif*. Yogyakarta: Graha Ilmu.
- Mohd Majid Konting (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1999). —*Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (2003). —*Reka bentuk tinjauan : Soal selidik pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar (2000). *Pentadbiran Pendidikan & Pendidikan Di Malaysia*. Petaling Jaya: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Noor Azyani A.Jalil & Ahmad Esa (2012). *Kemahiran Menyelesaikan Masalah Menerusi Aktiviti Kokurikulum (Khidmat Masyarakat) Dalam Kalangan Pelajar UTHM*. Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV kali ke-2.
- Sharifah Meriam Bt. Syed Akil (2007). *Cabarani Kepimpinan Kokurikulum*. Universiti Industri Selangor.